



Anwar pada Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan 2023 di Istana Negara, semalam.
(Foto BERNAMA)

'Tiada tolak ansur benarkan sistem beraja diperolok'

Kerajaan akan pastikan tindakan setimpal ke atas pihak ancam Perlembagaan

Kuala Lumpur: Kerajaan tidak akan bertolak ansur atau membenarkan sistem beraja diperolok dan diganggu-gugat atas nama kebebasan, tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Lantaran itu, beliau berkata, kerajaan pasti akan mempertahankan sistem beraja dengan memastikan tindakan yang setimpal diambil ke atas mana-mana pihak yang cuba mengancam institusi itu dan keluhuran Perlembagaan.

"Sesuai dengan bidalan Melayu bahawa 'biar patah dayung di tangan, dengan jari ku kayuh jua'. Raja laksana pohon dan tentunya institusi ini mesti tersemat dipelihara dengan baik," katanya.

Anwar berucap demikian ketika merafak sembah ucapan tahniah pada Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan 2023 sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, semalam.

Sementara itu, katanya, Kerajaan Perpaduan yang lahir daripada cetusan kebijaksanaan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, berjaya mempertaut kesatuan dan permuafakatan, sekali gus mewujudkan kestabilan dalam politik negara.

Beliau berkata, ia memberi

ruang ke arah pertumbuhan ekonomi negara, keyakinan pelabur domestik dan luar negara, selain mengatur tatakelola pemerintahan yang mampan dan wajar dalam menjamin kesejahteraan serta kesejahteraan rakyat.

Kata Perdana Menteri, Kerajaan Perpaduan beriltizam untuk berusaha dengan tekun memacu pertumbuhan dan mempertahankan keadilan serta nilai murni manusiawi dengan berbekalkan tekad dan semangat membangun Malaysia MADANI.

Sementara itu, katanya, beberapa dasar negara yang lebih kental dan ampuh akan dilancarkan kerajaan bagi mendepani cabaran dunia, merangkumi Pelan Perindustrian Negara, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan Belanjawan MADANI.

Pelan Perindustrian Negara akan dilancarkan Ogos ini, Kajian Separuh Penggal RMK-12 pada akhir September dan Belanjawan MADANI kedua pada Oktober.

Beliau berkata, dasar negara berkenaan amat dituntut bagi mendepani dunia yang masih bergelut dengan adu kuasa dan peperangan, kerancakan perdagangan ekonomi sejagat yang kian terbantut dan krisis iklim serta persekitaran yang berada pada tahap genting.

"Dalam semua kerangka besar bakal diluncurkan, akan menjadikan landasan tatakelola yang baik, telus dan bertanggungjawab," katanya menambah kerajaan juga berusaha menangani isu kos sara hidup, kenaikan harga barang dan keterjaminan makanan yang kini jadi fenomena di seluruh dunia.

Beliau yang juga Menteri Ke-

wangan menjelaskan, beberapa pendekatan seperti Konsep Payung Rahmah, Karnival Jualan Aidilfitri, keusahawanan, inovasi sosial seperti Inisiatif Pendapatan Rakyat adalah sebahagian ikhtiar membantu rakyat dan mendapat sambutan menggalakkan.

Menghargai sumbangan Seri Paduka dalam mengangkat kepentingan negara dalam bidang diplomatik dan pelaburan, Anwar menegaskan, Malaysia akan terus berperanan lebih aktif menyuarakan pendirian serta memelihara kepentingan negara pada forum antarabangsa, khususnya dalam isu kedaulatan negara, kemanusiaan, keselamatan dan pengurusan bencana.

Sementara itu, katanya, kebijakan ekonomi direncanakan Jemaah Menteri, penjawat awam dan sektor swasta, telah melonjak pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5.6 peratus dan jumlah pelaburan RM71.4 bilion berjaya diperolehi pada suku pertama 2023.

Katanya, Belanjawan Malaysia MADANI 2023 telah diluluskan sebulat suara pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke-15 lalu.

"Maka, bertambah ampuh tekad ke arah pelaksanaan tiga tekad dan 12 ikhtiar utama Belanjawan MADANI, terutama dalam bidang keterjaminan makanan, ekonomi digital, peranan industri kecil dan sederhana (IKS) dan menoktah kemiskinan tegar," katanya.

Anwar berkata, berbekalkan tekad dan semangat 'Membangun Malaysia MADANI', kerajaan beriltizam untuk berusaha dengan tekun memacu pertumbuhan, sekali gus mempertahankan keadilan dan nilai murni manusiawi. BERNAMA